



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

PEKELILING KEMASUKAN KE UNIVERSITI AWAM (UA) SESI AKADEMIK 2025/2026

**PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN STPM/SETARAF
KATEGORI DIPLOMA/SETARAF**



ISI KANDUNGAN

1. PENYELARASAN PENGAMBILAN.....	2
2. SYARAT KEMASUKAN.....	3
Syarat Am Kemasukan.....	3
Syarat Khas Kemasukan.....	5
3. BAYARAN PROSES UPUONLINE®.....	5
4. PERMOHONAN.....	5
Kategori Permohonan	7
Fasa Permohonan	7
Fasa Pengemaskinian	10
Slip Permohonan	10
Lupa Kata Laluan	10
5. PEMROSESAN DAN PEMILIHAN	11
Dasar & Kriteria Pemilihan	11
Proses Pemilihan	12
6. HEBAHAN	12
Surat Tawaran	13
7. RAYUAN	13
8. TARIKH-TARIKH PENTING	14

**PEKELILING KEMASUKAN KE
PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA DI UNIVERSITI
AWAM (UA) BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN
STPM/SETARAF**

(Kategori Diploma/Setaraf)

Sesi Akademik 2025/2026

PENYELARASAN PENGAMBILAN

- 1.1 Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi (BKPA, JPT) menyelaras **permohonan, pemprosesan, pemilihan dan hebahan** kemasukan ke Program Pengajian Lepas STPM/Setaraf di **20 buah Universiti Awam (UA)** bagi **Ambilan Oktober** sahaja seperti berikut :-

20 UNIVERSITI AWAM (UA)

1. **Universiti Malaya (UM)**
2. **Universiti Sains Malaysia (USM)**
3. **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**
4. **Universiti Putra Malaysia (UPM)**
5. **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**
6. **Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)**
7. **Universiti Utara Malaysia (UUM)**
8. **Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)**
9. **Universiti Malaysia Sabah (UMS)**
10. **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**
11. **Universiti Teknologi MARA (UiTM)**
12. **Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**
13. **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**
14. **Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)**
15. **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**
16. **Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPASA)**
17. **Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**
18. **Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**
19. **Universiti Malaysia Kelantan (UMK)**
20. **Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)**

- 1.2 Program pengajian di UiTM hanya terbuka kepada **calon berketurunan Melayu, Anak Negeri Sabah, Anak Negeri Sarawak dan Orang Asli Semenanjung** sahaja.
- 1.3 Semua program pengajian di UA lain (selain UiTM) terbuka kepada semua yang berkecualan.

SYARAT KEMASUKAN

- 2.1 Semua program pengajian yang ditawarkan oleh UA bagi Sesi Akademik 2025/2026 boleh didapati dalam **UPUWeb** dengan melayari pautan URL seperti berikut:-

<https://upu.mohe.gov.my>

- 2.2 Calon boleh mendapatkan maklumat berkenaan **Syarat Am dan Syarat Khas** program pengajian yang telah ditetapkan serta maklumat lain yang disediakan.

Syarat Am Kemasukan

- 2.3 Terbuka kepada **Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap dan Pemastautin Sementara** yang mempunyai Kad Pengenalan. Calon yang mempunyai MyPR dan MyKAS akan diproses tertakluk kepada syarat-syarat kemasukan kategori bukan warganegara.

2.4 LEPASAN DIPLOMA/SETARAF

2.4.1 KELAYAKAN KATEGORI DIPLOMA/ SETARAF

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat **kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013**. Kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu **Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan (SPMU) diambil kira**;

DAN

DIPLOMA/ SETARAF

- a) Mempunyai kelulusan **Diploma IPTA / ILKA / IPTS atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya** oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti (Syarat Khas program pengajian mengikut jenis program pengajian yang ditawarkan di UA); atau
- b) Mendapat sekurang-kurangnya Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.00 dengan Gred C dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am **dalam STPM 2023 dan sebelumnya**; atau

- c) **Matrikulasi/Asasi Sesi Akademik 2023/2024 dan sebelumnya** dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau
- d) **STAM tahun 2022 dan sebelumnya** dengan mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid; atau
- e) **Lulusan Pra-U Sekolah Sukan Malaysia/ GCE A-Level/ International Baccalaureate Diploma/ Australian Matriculation (AUSMAT) serta kelayakan lain** yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat UA;

DAN

Mendapat sekurang-kurangnya Band 1.0 dalam *Malaysian University English Test (MUET)* untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 atau Band 1 untuk peperiksaan sehingga tahun 2020 mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.

ATAU

Penggunaan ***International English Language Testing System (IELTS), Test Of English as a Foreign Language (TOEFL), Pearson Test of English (PTE), Cambridge English Qualifications and Tests*** dan ***ELS Certified Intensive English Programme Level (ELS CIEP Level)*** ^{BAHARU} bagi menggantikan MUET sebagai syarat am dan syarat khas kemasukan **hanya** dibenarkan kepada calon Lulusan Diploma/ Setaraf bagi Kategori F1: A-Level; F2: *International Baccalaureate (IB)*; dan F7: *Australian Matriculation (AUSMAT)/ South Australian Matriculation (SAM)/Canadian Pre-University (CPU)* tertakluk kepada:

- i. Standard program yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- ii. kelulusan Senat UA; dan
- iii. kelulusan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) KPT.

2.4.2 KELAYAKAN DIPLOMA TVET (DKM /DLKM/ DVM)

- a) Mempunyai kelulusan **Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) atau Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang diiktiraf setaraf dengannya** oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Malaysia (Syarat Khas program pengajian mengikut jenis program pengajian yang ditawarkan di UA).
- b) **Pengecualian** syarat *Malaysian University English Test (MUET)* sebagai syarat am permohonan kemasukan lepasan STPM/Setaraf ke *Malaysia Technical University Network (MTUN)* kepada Lulusan DVM.

Syarat Khas Kemasukan

- 2.5 Calon perlu memenuhi syarat-syarat khas program pengajian seperti yang dinyatakan dalam **SYARAT KHAS PROGRAM PENGAJIAN** di e-Panduan Permohonan Kemasukan ke Universiti Awam (UA) bagi Program Pengajian Lepas Diploma/Setaraf.

3. BAYARAN PROSES UPUONLINE®

- 3.1 Calon **perlu** membeli No. Pin UPUOnline® (Bayaran Proses UPUOnline®) terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan UPUOnline®.
- 3.2 Calon dibenarkan membeli dua (2) No. Pin UPUOnline® bagi kategori permohonan iaitu lepasan SPM dan lepasan STPM/Setaraf.
- 3.3 Pembelian No. Pin UPUOnline® hanya melalui Ejen Pemungut BKPA JPT iaitu Bank Simpanan Nasional (BSN).
- 3.4 Harga pembelian No. Pin UPUOnline® (Bayaran Proses UPUOnline®) yang dikenakan adalah **RM10.60** (termasuk caj perkhidmatan BSN RM 0.60).
- 3.5 Pembelian No. Pin UPUOnline® (Bayaran Proses UPUOnline®) boleh dibuat melalui:
- TIGA (3) kaedah seperti berikut:**
 - Kaunter BSN;
 - Mesin Automated Teller Machine (ATM); dan
 - Internet Banking (myBSN);
 - Pembelian melalui kaedah i.(b) & i.(c) perlu ada Akaun GIRO BSN.

NOTA: Sebarang pindaan tertakluk dari semasa ke semasa.

4. PERMOHONAN

- 4.1 Fasa Permohonan akan **dibuka** seperti berikut:
- Fasa Pertama : **10 Februari 2025 jam 12:00 tengah hari hingga 14 Mac 2025 jam 05:00 petang.**
 - Fasa Kedua : **14 April 2025 jam 12:00 tengah hari hingga 18 Mei 2025 jam 05:00 petang.**

- 4.2 Hanya calon yang **tamat pengajian** dan **dianugerahkan Diploma oleh Senat UA atau pelajar Lulusan Diploma Politeknik Malaysia yang telah disahkan Ahli Lembaga Peperiksaan JPPKK** selewat-lewatnya pada tarikh tamat permohonan UPUOnline® boleh mengemukakan permohonan.
- 4.3 Calon yang **belum tamat** dan hanya akan tamat pengajian selepas **Jun hingga September 2025** boleh mengemas kini tarikh tamat pengajian dan memuat naik dokumen terkini semasa permohonan rayuan untuk dipertimbangkan.
- 4.4 Calon Lulusan Diploma/Setaraf diwajibkan mengemukakan permohonan kemasukan ke UA melalui Sistem UPUOnline® di <https://upu.mohe.gov.my>.
- 4.5 Calon dinasihatkan membaca terlebih dahulu panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi mengelakkan calon memilih program yang tidak melepasi syarat khas program pengajian.

Gambar rajah 1: Panduan Permohonan Sesi Akademik 2025/2026



Kategori Permohonan

- 4.6 Permohonan kemasukan ke UA bagi **Program Pengajian Lepasn Diploma/Setaraf Sesi Akademik 2025/2026** dibuka untuk kategori berikut:

Kategori E	Kategori F	Kategori G
Kelayakan Diploma DKM/ DLKM/ DVM/ Lain-lain Diploma: (E1) - Diploma Kemahiran Malaysia (DKM)/ Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) (E2) - Diploma Vokasional Malaysia (DVM) (E3) - Diploma Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)/ Luar Negara/ Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA)/ Lain-lain kelayakan	Kelayakan Setaraf: (F1) - A-Level (F2) - <i>International Baccalaureate</i> (IB) (F3) - Sekolah Sukan (F4) - STPM (Bukan Tahun Semasa) (F5) - Matrikulasi KPM/ Asasi UA (Bukan Tahun Semasa) (F6) - STAM (Bukan Tahun Semasa) (F7) - <i>Australian Matriculation</i> (AUSMAT) / <i>South Australian Matriculation</i> (SAM)/ <i>Canadian Pre-University</i> (CPU) / (F8) - <i>Foundation</i> Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)	Kelayakan Diploma UA/ Politeknik / Kolej Komuniti : (G1) - Diploma UA (G2) - Diploma Politeknik / Kolej Komuniti

Fasa Permohonan

- 4.7 Permohonan UPUOnline® dibuka dalam **dua (2) fasa** iaitu **Fasa Permohonan Pertama** dan **Fasa Permohonan Kedua**.
- 4.8 Calon dikehendaki mencipta akaun pengguna UPUOnline® sebelum mengemukakan permohonan.
- 4.9 Calon boleh daftar masuk dengan menggunakan Nombor Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang telah dimasukkan semasa mencipta akaun pengguna.
- 4.10 Calon boleh mengemukakan permohonan dalam mana-mana fasa permohonan.

- 4.11 Calon wajib memasukkan **lima (5) item** berikut untuk mencipta **akaun pengguna**:-
- a) No Kad Pengenalan;
 - b) Alamat E-mel;
 - c) Nama Ibu;
 - d) Kata Laluan; dan
 - e) Soalan Keselamatan.
- 4.12 Calon wajib memasukkan **lima (5) item** berikut untuk mengemukakan permohonan kali pertama:-
- a) No. Kad Pengenalan semasa pendaftaran peperiksaan;
 - b) No. Pin UPUOnline®;
 - c) Jenis Permohonan;
 - d) Program Pengajian; dan
 - e) Kategori.
- 4.13 Terdapat **lapan (8) pilihan program pengajian**. Calon **wajib** memilih **enam (6) pilihan program pengajian**. Program pengajian bukan bertemu duga dan/atau ujian boleh dipilih pada pilihan 1-12. Jika calon berminat dengan program pengajian bertemu duga dan/atau ujian, calon boleh mengemukakan pada **Pilihan 1 hingga 4 sahaja**. Bagi **program pengajian pendidikan** pula, hanya pada **Pilihan 1 hingga 2 sahaja**.
- 4.14 **Semua program pengajian yang bertemu duga dan/atau ujian** hanya dibuka untuk pemilihan semasa **Fasa Permohonan Pertama** sahaja.
- 4.15 Tiada tapisan pilihan program pengajian yang melepasi syarat khas dilaksanakan. Pilihan program pengajian yang dipaparkan adalah semua program pengajian yang ditawarkan bagi kategori berkenaan.
- 4.16 Pilihan program pengajian bagi calon lepasan STPM/Setaraf dibuka dalam UPUOnline® pada **10 Februari hingga 14 Mac 2025 (Fasa Permohonan Pertama)** dan **14 April hingga 16 Mei 2025 (Fasa Permohonan Kedua)**.
- 4.17 Calon **hanya boleh memilih pilihan program pengajian yang dibuka mengikut kategori** yang telah ditetapkan oleh UA.
- 4.18 Semua program pengajian yang bertemu duga dan/atau ujian ditandakan dengan **tanda (#) pada akhir nama program pengajian**.
- 4.19 Medan maklumat penting yang wajib diisi oleh calon ditandakan dengan tanda (*) dalam borang sistem permohonan. Manakala tanda (**) adalah merujuk kepada wajib mengisi salah satu medan maklumat.
- 4.20 Calon boleh mengemaskini maklumat tanpa had sehingga tarikh tutup permohonan.

- 4.21 Calon Kategori Diploma/Setaraf yang telah memohon pada Fasa Permohonan Pertama **dibenarkan mengemaskini** pilihan program pengajian pada Fasa Permohonan Kedua.
- 4.22 Calon Lulusan Diploma/Setaraf **WAJIB memuat naik dokumen** dalam format PDF setelah mengemukakan permohonan/ mengemaskini maklumat. Dokumen perlu dimuat naik **sebelum atau pada tarikh tutup permohonan**.
- 4.23 Kegagalan calon memuat naik dokumen yang diperlukan boleh menyebabkan calon tidak dapat dipertimbangkan kemasukan ke Universiti Awam (UA). Antara dokumen yang perlu dimuat naik adalah seperti berikut:
- **Sijil SPM/Setaraf**
 - **Transkrip SVM**
 - **Sijil STPM/Setaraf (Jika Berkaitan)**
 - **Transkrip Penuh Akademik**
 - **Diploma/Sijil (Jika Ada)**
 - **Surat Pengesahan Lulus dan Layak Dianugerahkan Diploma**
 - **Keputusan Bahasa Melayu / Matematik Julai (Jika Ada)**
 - **Salinan Cetakan Akreditasi MQA**
 - **Sijil MUET**
 - **IELTS / TOEFL/ PTE/ *Cambridge English Qualifications and Tests* dan ELS CIEP Level) (bagi calon Lulusan Diploma/Setaraf Kategori F1, F2 dan F7 sahaja)**
 - **Surat Pengesahan Majikan (Jika berkaitan)**
- 4.24 Calon wajib klik butang “**Simpan**” bagi memastikan maklumat permohonan telah selamat diterima oleh sistem. **Slip Permohonan UPUOnline®** yang dicetak atau disimpan dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*), boleh dijadikan bukti bahawa calon telah berjaya mengemukakan permohonan.
- 4.25 Notifikasi akan dipaparkan jika calon keluar daripada Sistem UPUOnline® tanpa menekan butang “**Simpan**”.
- 4.26 Notifikasi sistem tamat sesi akan dipaparkan, jika calon tidak membuat sebarang transaksi selepas 15 minit.

Fasa Pengemaskinian

- 4.27 Fasa Pengemaskinian akan **dibuka** mulai **minggu pertama Ogos 2025** pada **jam 12:00 tengah hari hingga jam 5:00 petang**.
- 4.28 Calon boleh mengemaskini maklumat tanpa had sehingga tarikh tutup pengemaskinian.
- 4.29 Calon Kategori Diploma/Setaraf yang telah memohon pada Fasa Permohonan Pertama **dibenarkan mengemaskini** pilihan program pengajian pada Fasa Permohonan Kedua.
- 4.30 Program pengajian bertemu duga dan/atau ujian yang dipilih **semasa Fasa Permohonan Pertama dan Fasa Permohonan Kedua** boleh dikemaskini kepada program pengajian lain semasa **Fasa Pengemaskinian** sekiranya calon **tidak melepasi syarat khas program pengajian** atau temu duga dan/atau ujian tidak dipanggil.

Slip Permohonan

- 4.31 Setelah klik butang “**Simpan**” dalam halaman terakhir UPUOnline®, penyataan “**Terima Kasih! Permohonan Anda Telah Diterima Oleh Sistem**” akan dipaparkan.
- 4.32 **Maklumat lengkap permohonan boleh dicetak dan dimuat turun melalui pautan “Cetak Slip” dan “Muat Turun Slip”.** **Sekiranya calon berjaya** mengemukakan permohonan, UPUOnline® akan memaparkan **Slip Permohonan** dengan **maklumat** seperti berikut:
- i. Tarikh dan Masa Permohonan;
 - ii. No. Rujukan Permohonan;
 - iii. Nama, No. KP dan Kategori Calon;
 - iv. Pilihan Program Pengajian;
 - v. Tarikh kemaskini pilihan program pengajian;
 - vi. Tarikh-tarikh penting hebahan dan panggilan temu duga dan/atau ujian;
 - vii. Tarikh Fasa Pengemaskinian;
 - viii. Catatan; dan
 - ix. Penyataan Khas.

Lupa Kata Laluan

- 4.33 Sekiranya calon **lupa Kata Laluan** yang diisi semasa mengemukakan permohonan bagi tujuan pengemaskinian, calon boleh mendapatkan Kata Laluan dengan **klik pautan ‘Lupa Kata Laluan’**.

- 4.34 Calon juga boleh mendapatkan **kata laluan** dengan menjawab beberapa soalan keselamatan sebelum kata laluan dipaparkan kepada calon dan **kata laluan** turut diemel kepada calon menggunakan emel yang telah didaftarkan.

5. PEMROSESAN DAN PEMILIHAN

- 5.1 Calon yang telah memilih program pengajian bertemu duga dan/atau ujian (program pengajian yang mempunyai tanda #) akan diproses dan dihantar kepada UA untuk pemilihan. Calon akan dipanggil untuk menghadiri temu duga/ ujian pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan oleh UA.
- 5.2 **Surat panggilan temu duga dan/atau ujian akan dikeluarkan oleh UA** melalui laman web masing-masing. Alamat URL yang terlibat akan turut dipaparkan di laman web <https://upu.mohe.gov.my>.

Dasar & Kriteria Pemilihan

- 5.3 Dasar pemilihan adalah berasaskan **100% markah akademik**.
- 5.4 Kriteria pemilihan kemasukan adalah seperti berikut:
- a) Pencapaian akademik dalam peperiksaan STPM/Setaraf dan SPM;
 - b) Pencapaian dalam aktiviti kokurikulum;
 - c) Kombinasi mata pelajaran yang bersesuaian dengan program pengajian dipohon;
 - d) Gred mata pelajaran untuk tujuan pengkhususan;
 - e) Memenuhi syarat khas seperti yang ditetapkan oleh UA;
 - f) Mendapat sekurang-kurangnya **Band 1.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 ATAU Band 1 untuk peperiksaan sehingga tahun 2020** mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan bagi lepasan Diploma/Setaraf;
 - g) Lulus temu duga dan/atau ujian bagi program pengajian yang menetapkan syarat berkenaan;
 - h) Program pengajian pilihan calon mengikut keutamaan;
 - i) Bilangan tempat yang disediakan oleh UA;
 - j) Melempi tahap minimum Ujian MEdSI/ i-MEdSI (bagi **Program Pengajian ISMP**);
 - k) Lulus ujian khas yang ditetapkan dan diperaku temu duga (bagi **Program Pengajian ISMP**);
 - l) Pemilihan dilaksanakan sepenuhnya oleh UA dan penyelarasan adalah berdasarkan keutamaan pilihan;

m) Calon Lulusan DVM yang memenuhi tempoh minimum syarat *On The Job Training* (OJT) boleh mengemukakan permohonan UPUOnline®. Antara syarat minimum OJT tersebut adalah seperti berikut:

- i. Mencapai 80% pelaksanaan OJT;
- ii. Mencapai 60% markah lulus OJT; dan
- iii. Mendapat kelulusan Senat KV KPM.

Proses Pemilihan

5.5 Pemilihan dilaksanakan sepenuhnya oleh UA dan penyelarasan adalah berdasarkan keutamaan pilihan.

6. HEBAHAN

6.1 BKPA, JPT menggunakan laman web/ pautan untuk memaklumkan **status permohonan** dan **keputusan permohonan kemasukan ke UA**.

6.2 Hebahan keputusan permohonan bagi Lulusan STPM/Setaraf adalah melalui **saluran hebahan** seperti berikut:

Laman web/ Pautan	https://jpt.utm.my https://jpt.uum.edu.my https://jpt.unimas.my https://jpt.ums.edu.my https://jpt.umt.edu.my
Talian Hotline UPU	03 – 8684 2363
Aplikasi mobile	UPUPocket

6.3 BKPA, JPT boleh dihubungi untuk maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan di alamat dan talian seperti berikut:-

Alamat	Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Tinggi Aras 4, No. 2 Menara 2 Jalan P5/6, Presint 5 62200 W.P. Putrajaya
Talian Hotline	(03) 8684 2363

Aplikasi chat	UPUChat
Laman web	https://upu.mohe.gov.my
Media sosial rasmi:	Facebook : Kemasukan BPKP JPT Instagram : @kemasukanbkpa Youtube : bkpaUPU TikTok : bkpaUPU Telegram : UPUOnline Channel

Surat Tawaran

- 6.4 Calon hanya akan ditawarkan program pengajian dalam pilihan sahaja kecuali bagi tawaran rayuan.
- 6.5 Surat tawaran rasmi dikeluarkan oleh UA bermula **sehari (1) hebahan keputusan**.
- 6.6 Calon perlu memuat turun surat tawaran rasmi di Laman Web UA mengikut jadual yang ditetapkan.
- 6.7 Calon yang berjaya dikehendaki membuat pengesahan setuju terima tawaran **dalam tempoh sembilan (9) hari** selepas hebahan keputusan perdana.
- 6.8 Calon yang tidak membuat pengesahan terima atau tolak selepas tempoh yang ditetapkan akan dianggap sebagai menolak tawaran.
- 6.9 **Tawaran adalah MUKTAMAD.**

7. RAYUAN

- 7.1 Hanya **calon yang gagal mendapat tawaran** ke UA sahaja yang boleh mengemukakan rayuan dalam **tempoh sepuluh (10) hari** selepas keputusan permohonan kemasukan diumumkan.
- 7.2 Calon yang **mendapat tawaran, menolak tawaran** atau **tidak membuat pengesahan setuju terima tawaran** dalam **tempoh sembilan (9) hari** selepas hebahan keputusan perdana, tidak akan dipertimbangkan untuk proses rayuan.
- 7.3 Calon dibenarkan mengemukakan **empat (4) pilihan program pengajian** semasa permohonan rayuan dengan program pengajian bertemuduga dan/ atau ujian hanya berada di Pilihan 1 dan 2 sahaja.
- 7.4 Pilihan program pengajian yang dipaparkan adalah pilihan program pengajian **yang layak syarat am dan syarat khas program pengajian sahaja** (kecuali kategori

Diploma/Setaraf) serta **masih ada kekosongan** selepas tawaran perdana dan/ atau setuju terima tawaran.

- 7.5 Calon dibenarkan membuat pengemaskian rayuan tanpa sebarang had sehingga tarikh tutup permohonan.
- 7.6 Pengesahan **setuju terima tawaran rayuan** adalah dalam tempoh **empat (4) hari** selepas keputusan rayuan diumumkan.

8. TARIKH-TARIKH PENTING

- 8.1 Berikut adalah tarikh-tarikh penting yang berkaitan dengan permohonan kemasukan ke UA bagi **Program Pengajian Kategori Diploma/Setaraf Sesi Akademik 2025/2026**:

PERKARA	TARIKH
Fasa Permohonan Pertama	10 Februari hingga 14 Mac 2025
Fasa Permohonan Kedua	14 April hingga 16 Mei 2025
Semakan Panggilan Temu Duga (Bukan Pendidikan) dan Ujian i-MEdSI	April hingga Ogos 2025
Semakan Panggilan Temu Duga (Pendidikan)	Mei hingga Ogos 2025
Fasa Pengemaskinian (Muat Naik Dokumen)	Minggu Pertama Ogos 2025
Hebahan Keputusan Perdana	Minggu Pertama September 2025
Permohonan Rayuan	Minggu Pertama hingga Minggu ke-2 September 2025 (Tempoh permohonan 10 hari)
Pendaftaran Pelajar Baharu	Minggu ke-5 September 2025
Hebahan Keputusan Rayuan	Minggu Pertama Oktober 2025
Pendaftaran Pelajar Baharu - Rayuan	Minggu ke-2 Oktober 2025

***Tertakluk kepada perubahan**